

15 MEI 2023 | MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 2 TAHUN 2023 & MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI INSTUN

INSTUN telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2023 bersekali dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan. Majlis yang dianjurkan secara sederhana ini dimeriahkan dengan gerai-gerai makanan di bawah kelolaan bahagian, Kelab INSTUN serta pasukan pembersihan/landskap INSTUN yang menghidangkan pelbagai juadah menarik sepanjang program ini berlangsung.

Majlis turut diserikan lagi dengan Pertandingan Busana Terbaik bagi kategori lelaki dan perempuan serta Pertandingan Karaoke. Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan semua peserta yang terlibat.

Sesi Bersalaman bersama YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dengan seluruh warga INSTUN menjadi acara penutup bagi majlis pada kali ini. Ribuan terima kasih diucapkan atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan program ini.





